

Headline	<b>Empat penerima Anugerah F&amp;N</b>	Language	<b>MALAY</b>
Date	<b>14. Jan 2009</b>	Page No	<b>23</b>
Media Title	<b>Kosmo</b>	Article Size	<b>275 cm2</b>
Section	<b>Kosmo 2</b>	Frequency	<b>Daily</b>
Circulation	<b>120000</b>	Color	<b>Full Color</b>
Readership	<b>234000</b>	AdValue	<b>2395.72</b>



EMPAT penerima Anugerah Atasi Segalanya F&N. (dari kiri) Norlina, Lee Chan, Prakash dan Woam Guel.

## Empat penerima Anugerah F&N

SEORANG pemenang pingat gangsa Sukan Paralimpik Beijing, seorang guru, seorang penjaga kepada anak-anak penghidap HIV/AIDS dan seorang penterjemah yang cacat penglihatan adalah antara penerima sulung Anugerah Atasi Segalanya (AAS) F&N yang dilancarkan sempena ulang tahun ke-125 F&N di Kuala Lumpur baru-baru ini.

Empat penerima tersebut dipilih oleh panel pemilih yang diketuai oleh bekas Ketua Hakim Negara, Tun Mohamed Dzaiddin Abdullah.

Pemilihan itu dibuat kerana kecemerlangan empat individu berkenaan yang diperlihatkan dalam program inisiatif Tanggungjawab Sosial Korporat F&N.

Program tersebut bertujuan mengiktiraf individu yang berjaya mengatasi segala cabaran bagi melakukan sesuatu yang luar biasa. Ini termasuk dari segi keberanian, kesatriaian, kesedaran sivik, pembinaan negara dan pencapaian cemerlang dalam bidang sukan, akademik serta perniagaan.

Para penerima anugerah itu ialah peserta angkat berat, Siow Lee Chan yang memenangi pingat gangsa di Sukan Paralimpik 2008, Beijing dan seorang guru, Seng Woam Guel yang telah melindungi dan menyelamatkan pelajarannya daripada seorang penjenayah bersenjata.

Turut mendapat pengiktirafan termasuklah Norlina Alawi, ibu kepada tujuh orang anak yang turut menjaga dan mencurah kasih sa-

yang kepada 44 anak penghidap HIV/AIDS. Yang terakhir ialah Prakash Suriyamurthy yang cacat penglihatan sejak berusia dua bulan tetapi sedang mengikuti pengajian ijazah Sarjana Penterjemahan. Suriyamurthy juga menulis dan menterjemah pelbagai rencana dan buku dalam bahasa Melayu, Inggeris dan Tamil.

Setiap pemenang menerima wang tunai RM3,000, sijil, plak dan produk F&N yang disampaikan oleh Datuk Shahrir Abdul Samad, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal-Ehwal Pengguna selaku Penaung AAS F&N.

Turut hadir memeriahkan majlis ialah Pengerusi F&N Holdings Bhd, Tengku Syed Badarudin Jamalullail, Ketua Pegawai Eksekutif F&N Holdings Bhd., Tan Ang Meng dan Tun Mohamed Dzaiddin Abdullah.

Dalam ucapannya, Ang Meng berkata: "Kami percaya F&N yang sudah menjadi sebahagian daripada kehidupan rakyat Malaysia sejak 125 tahun lalu perlu memainkan peranan penting menggalakkan dan memupuk semangat kebanggaan negara."

Setiap tahun 12 individu terpilih untuk menerima pelbagai pengiktirafan daripada Kumpulan F&N atas sumbangan bakti mereka.

Kumpulan F&N kini merupakan pengeluar susu dalam tin terbesar di Asia Tenggara berikutan pemerolehan perniagaan Nestle di Thailand dan Malaysia.